



10 MAR, 2023

UiTM usahakan projek tanaman nanas MD2

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2



HADHIFAH Fadhlina Ismail menunjukkan buah serta sulur nanas MD2 yang ditanam di Ladang Nanas MD2 Bukit Tiu, UiTM Kampus Machang, semalam. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI.

UiTM usahakan projek tanaman nanas MD2

MACHANG: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan menjadikan projek tanaman nanas varieti MD2 di kawasan seluas 1.6 hektar di Bukit Tiu, di sini sebagai usaha memperkasaan sekuriti makanan negara.

Penyelaras Unit Agrobisnes UiTM Kelantan, Hadhifah Fadhlina Ismail berkata, selain itu projek tersebut turut dijadikan platform dalam mengembangkan lagi sektor agromakanan di negara ini.

Menurutnya, usaha itu turut mendapat sokongan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang memberikan sumbangan sulur benih varieti MD2 sebanyak 12,000 bagi menjaya-

kan projek ini.

“Alhamdulillah, projek yang bermula sejak April 2021 itu mula mendapat hasil pada Februari lepas. Kami akan menggunakan peluang yang diberikan ini sebaik mungkin.

“Hal ini bagi membuktikan UiTM Machang mampu mencipta kejayaan meskipun tidak mempunyai pengkhususan dalam bidang perladangan,” katanya.

Hadhifah Fadhlina membezitahu, pihaknya yakin projek penanaman bukan sahaja memberi peluang kepada mahasiswa menjadi agropreneur muda malah menyediakan pekerjaan kepada penduduk sekitar Machang secara kontrak di ladang nanas ini.



10 MAR, 2023

UiTM usahakan projek tanaman nanas MD2

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MACHANG: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelartan menjadikan projek tanaman nanas varieti MD2 di kawasan seluas 1.6 hektar di Bukit Tiu, di sini sebagai usaha memperkasakan sekuriti makanan negara. Penyelaras Unit Agrobisnes UiTM Kelantan, Hadhifah Fadhlina Ismail berkata, selain itu projek tersebut turut dijadikan platform dalam mengembangkan lagi sektor agromakanan di negara ini.